

Kenyataan Tender Bil. 10/2026

Datuk Bandar Kuala Lumpur mempelawa kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dan/atau **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam Gred, Kategori, Pengkhususan atau Kod Bidang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL. TENDER	BUTIR-BUTIR TENDER DAN HARGA DOKUMEN	KELAYAKAN PETENDER	TARIKH TENDER DIBUKA, TAKLIMAT TAPAK DAN TENDER DITUTUP
2026/A034	Perkhidmatan Pembersihan Perumahan Awam Seri Pulau Pinang, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Dokumen: RM400.00	Bumiputera Berdaftar Dengan KKM Kod Bidang 221001 (Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja)	<u>Tarikh Tender Dibuka</u> 12 Mac 2026 (Khamis) <u>Tarikh Tender Ditutup</u> 2 April 2026 (Khamis)
2026/A035 (ONLINE)	Penambahan Pam Banjir Berkuasa Diesel Di Rumah Pam Kawalan Banjir Kampung Pasir, Kawasan Parlimen Lembah Pantai, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Harga Dokumen: RM300.00	Bumiputera Berdaftar Dengan KKM Kod Bidang 130102	<u>Tarikh Tender Dibuka</u> 12 Mac 2026 (Khamis) <u>Tarikh Tender Ditutup</u> 2 April 2026 (Khamis)
2026/A036 (ONLINE)	Perolehan Perbekalan Dua (2) Unit Lori Pengangkut Pam Mudah Alih Lengkap Dengan Kren Dan Aksesori Berkaitan Bagi Tempoh 8 Bulan Harga Dokumen: RM400.00	Bumiputera Berdaftar Dengan KKM Kod Bidang 110104 Atau 110202	<u>Tarikh Tender Dibuka</u> 12 Mac 2026 (Khamis) <u>Tarikh Tender Ditutup</u> 2 April 2026 (Khamis)

<p>2026/A040</p>	<p>Cadangan Penggantian Pam Dan Menaik Taraf Sistem Pam Sedia Ada Di Zon Tengah 2, Kuala Lumpur bagi tempoh 18 bulan</p> <p>Harga Dokumen: RM500.00</p>	<p>Berdaftar Dengan CIDB Gred G6 M22</p> <p>* Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan</p>	<p><u>Tarikh Taklimat Tapak</u> 17 Mac 2026 (Selasa)</p> <p><u>10.00 Pagi – 11.00 Pagi</u> Bilik Gerakan Tingkat 3, Menara DBKL 1 Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur.</p> <p><u>Tarikh Tender Ditutup</u> 6 April 2026 (Isnin)</p>
<p>2026/A041</p>	<p>Cadangan Penggantian Pam Dan Menaik Taraf Sistem Pam Sedia Ada Di Zon Utara 2, Kuala Lumpur bagi tempoh 18 bulan</p> <p>Harga Dokumen: RM1000.00</p>	<p>Berdaftar Dengan CIDB Gred G7 M22</p> <p>* Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan</p>	<p><u>Tarikh Taklimat Tapak</u> 17 Mac 2026 (Selasa)</p> <p><u>10.00 Pagi – 11.00 Pagi</u> Bilik Gerakan Tingkat 3, Menara DBKL 1 Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur.</p> <p><u>Tarikh Tender Ditutup</u> 6 April 2026 (Isnin)</p>

1. Bagi pembelian dokumen tender, petender atau wakil hendaklah mendaftar terlebih dahulu **secara atas talian** di laman sesawang eperolehan.dbkl.gov.my. Petender hendaklah
2. memastikan sijil yang didaftarkan di **e-perolehan DBKL** masih berkuatkuasa semasa memohon tawaran. Penjualan dokumen tender dijalankan **secara atas talian** sahaja.
3. Pendaftaran kontraktor **secara atas talian** perlu disahkan terlebih dahulu di dalam portal rasmi eperolehan.dbkl.gov.my
4. Berkuatkuasa serta – merta keperluan Sijil Pematuhan Cukai (**Tax Compliance Certificate - TCC**) yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berstatus 'PATUH' adalah dokumen wajib untuk dipatuhi oleh setiap kontraktor
5. **Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan**
6. Dokumen Tender **2026/A035 (ONLINE) Dan 2026/A036 (ONLINE)** Di Iklankan **SECARA DALAM TALIAN** Sepenuhnya. Dokumen tender **2026/A035 (ONLINE) Dan 2026/A036 (ONLINE)** yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar **SECARA DALAM TALIAN** tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup. Sebarang penghantaran secara manual, serahan dokumen fizikal atau tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali. Petender harus memastikan segala maklumat dan dokumen yang telah dimuatnaik adalah benar, sah dan tepat.

7. Dokumen Tender **2026/A040 Dan 2026/A041** boleh dibeli **Secara 'Online'** di laman web selepas Sesi Taklimat Tapak.
8. Kehadiran ke Sesi Taklimat **2026/A040 Dan 2026/A041** adalah **DIWAJIBKAN. HANYA PENAMA DALAM SIJIL SAHAJA** yang dibenarkan hadir ke Sesi Taklimat dan hendaklah **Diwajibkan membawa salinan sijil** seperti berikut:-
 - i. Sijil Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh CIDB (2026/A040 Dan 2026/A041)
 - ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh CIDB (2026/A040 Dan 2026/A041)
 - iii. Cop Syarikat (Rubber Stamp) (2026/A040 Dan 2026/A041)
 - iv. Kad Pengenalan Penama Didalam Sijil (2026/A040 Dan 2026/A041)
9. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor Tender dan tajuk kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender tersebut di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
10. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.
11. Untuk keterangan lanjut sila layari portal rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (www.dbkl.gov.my) dan laman sesawang eperolehan DBKL (eperolehan.dbkl.gov.my).

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tarikh Iklan : 12 Mac 2026 (Khamis)

Laman Sesawang : www.dbkl.gov.my dan eperolehan.dbkl.gov.my